

ISLAM SIASAH DAN KEBANGSAAN

DASAR PEMERINTAHAN ISLAM ITU PERSAMAAN

Kaedah persamaan itu adalah dengan terang dikupas oleh Dr Taha Hussien di dalam tulisannya dalam kitabnya Al-Fitnah Al-Kubra ia memberi keterangan-keterangan dan hujah-hujah yang tepat dengan cara-cara yang adil yang menurut pandangan kita adalah menjadi suatu rencana yang baik sekali bagi kita mengetahui selok belok pemerintahan dalam permulaan berkerajaan di dalam Islam.

KEADILAN SAIDINA UMAR

(2)

Kaedah yang menjadi dasar yang telah didirikan oleh khalifah Abu Bakar dan Umar atas susunan pemerintahan semata-mata keduanya berpandu kepada asas perjalanan Rasulullah (SAW) dan berikhtiar dengan sedaya upaya membawa rakyat jelata menurut jejaknya. Perjalanan dan semua gerak langkah Rasulullah (SAW) memang telah terkenal dengan baik kepada orang ramai yang tujuannya semata-mata mendirikan keadilan dengan sepenuh-sepenuhnya kepada manusia.

Tak payah rasanya kita mendirikan dalil berkenaan dengan ini – di sini saya gemar mengingatkan sesiapa yang terlupa bahawa ketibaan Islam itu membawa dua perintah yang terbesar dan yang mustahak – yang pertama mengesakan Allah (At-Tauhid): yang kedua: Persamaan di antara sekalian manusia (Al-Masawat).

Atas ini perhatilah firman Allah: “*Ya aiyuhannas an khalaqnakum an akramakum 'ind Allah atqakum inna Allah 'alimun khabir*”.

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia bahwasanya kami telah menjadikan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan kami telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenal-kenalan. Bahawa sesungguhnya orang-orang yang termulia daripada kamu ialah orang-orang yang takwa.”

Keadilan dan persamaan yang diseru oleh Rasulullah (SAW) ialah yang menjadikan kaum Quraisy berang dan memusuhi mereka barangkali ada orang yang bertanya mengapa Islam tidak memansuhkan kebebasan berhamba abdi dan tidak melarang orang ramai daripada memperhamba setengah daripada setengahnya tetapi mereka yang telah mengetahui riwayat permulaan Islam mereka akan menidakkannya langkah yang terbesar yang telah dilangkahkan oleh Islam ketika ia menyamakan di antara seseorang yang merdeka dengan seseorang hamba tebusan di hadapan Allah Subhanahu wa Taala. Perkara ini sahaja adalah suatu kejadian yang besar dan mengandungi makna di dalam tawarikh manusia. Ia juga merupakan perkara yang mustahak dan akan berkesan kemudian sekiranya hal ehwal orang-orang Islam berjalan mengikut dasarnya yang tertentu dengan tidak dihalangi oleh sesuatu rintangan seperti rintangan-rintangan yang terbit daripada fitnah-fitnah dan pancaroba yang telah dilaluinya.

Allah telah memfardhukan sembahyang ke atas orang-orang yang merdeka dan hamba sahaya. Demikian juga mereka difardhukan berpuasa sebagaimana juga difardhukan kepada mereka supaya berhati ikhlas kepadaNya. Allah telah memelihara (mengharamkan) darah orang yang tersebut dan telah mensyarakkan agama yang satu sebagai kedua-dua pihak itu yakni bagi orang yang merdeka dan bagi hamba tebusan.

Dengan ini rasanya telah layak menunjukkan bahawa perintah-perintah agama berjalan mengikut perjalannya yang sebenar akan menghapuskan

perhambaan dan mengharamkannya sekali. Tidakkah Tuhan telah menjadikan perkara memerdekaan hamba sahaya itu seperkara yang menjadi rebutan di antara orang-orang Islam supaya mereka dapat menyimpan pahala yang besar dengan kerananya di sisi Allah?

Tuhan juga telah membuka beberapa banyak pintu di dalam agama dengan tidak seseorang hamba hamba tebusan memasukinya melainkan tertewaslah ia. Pendek kata banyak jalan yang disediakan oleh Allah bagi sesiapa yang hendak berbakti memerdekaan hamba dan dijadikannya perkara memerdekaan hamba itu seperti yang telah disebutkan tadi menjadi amal-amal salih tempat tumpuan orang-orang Islam kepadaNya dan dijadikannya (memerdekaan hamba itu) sebagai “kifarah” menebus setengah-setengah kesalahan. Islam tidak meninggalkan suatu jalan kerana memudahkan memerdekaan seseorang hamba sahaya dengan menggalakkannya dan mensyarakkannya bagi orang-orang Muslimin.

Kaum kafir Quraisy telah berang kepada Rasulullah (SAW) kerana beliau menyeru kepada perkara-perkara yang tersebut sehingga saya hampir-hampir percaya sekiranya Rasulullah (SAW) hanya menyeru kaum Quraisy kepada mengesakan Allah sahaja dengan tidak menyentuh susunan masyarakat dan iktisad mereka dengan tidak menyamakan di antara seseorang yang merdeka dengan seseorang hamba sahaya, di antara yang kaya dengan yang miskin, di antara yang kuat dengan yang lemah dan jika tidak baginda memansuhkan apa yang dimansuhkannya di dalam riba serta jika tidak ia mengambil dari orang kaya dan memberikannya kepada orang yang fakir miskin – saya berkata sekali lagi sekiranya Rasulullah (SAW) telah menyeru kaum Quraisy hanya bertauhid kepada Allah sahaja dengan tidak menyentuh susunan masyarakat dan iktisad mereka nescaya mereka dengan jumlah yang terbanyak akan menyahut seruan itu dengan mudahnya oleh kerana kaum Quraisy tidak begitu tulus beriman kepada berhala mereka mereka mengambil berhala itu hanya sebagai jalan bukan sebagai tujuan yang dituju kepadanya – bahkan ia sebagai suatu jalan untuk menarik kaum-kaum Arab Jahiliah yang lainnya dengan mendapat faedah daripada mereka itu.

Pendek kata bagaimanapun kaum Quraisy telah memusuhi Rasulullah (SAW) kerana baginda telah menyentuh cara peraturan

masyarakat mereka dan mendatangkan suatu cara keadilan yang tidak sesuai dengan maslahat orang besar-besarnya dan berang mereka kepada Rasulullah (SAW) dalam perkara ini lebih besar daripada berangnya kepada beliau dengan kerana menyalahkan kepercayaan mereka kepada berhala-berhala dan menyeru supaya mereka membuang segala benda-benda yang menjadi perantaraan (wasitah) di antara mereka dengan Tuhan yang Maha Esa.

Sekalian orang mengetahui bahawa Rasulullah (SAW) pernah berlemah lembut dan kepada menghadap serta memuaskan orang besar-besarnya Quraisy dengan tujuan hendak menarik mereka kepada Islam yang sudah tentu hal itu akan menguatkan seruan baginda yang baharu itu. Boleh jadi juga perasaan memuaskan tersebut menjadikan baginda terlalai dan tidak mengendahkan orang-orang lain yang lebih rendah taraf kedudukannya dan tentang inilah Tuhan yang maha berkuasa telah menempelak dengan kencangnya seperti yang tersebut di dalam Al-Quran sebagaimana kisah Ibnu Ummi Makthum yang maksudnya : ‘Ia (Muhammad) telah bermasam muka dan berpaling tatkala seorang buta telah datang kepadanya. Apa tahukah engkau barangkali orang buta itu lebih suci hatinya atau suka menerima pengajaran maka berfaedah pengajaran itu baginya. Adapun orang yang kaya itu maka engkau berharap kepadanya padahal engkau tiada berdosa jika ia tiada suka membersihkan dirinya (beriman). Adapun orang buta itu datang kepada engkau dengan bersegera sedang ia takut kepada Allah maka engkau lengah daripada melayannya. Sekali-kali jangan begitu sesungguhnya ayat-ayat Allah jadi pengajaran. Barangsiapa yang mahu hendaklah ia mengingat Allah. Ayat-ayat itu dalam kitab yang lama lagi tinggi dan suci.’

Nyata sekarang bahawa persamaan semua peringkat itu menjadi salah suatu daripada dua asas yang Islam berdiri di atasnya iaitu tauhid dan keadilan. Rasulullah (SAW) telah menggunakan kedua-dua dasar yang tersebut semenjak ia ada di Mekah lagi hingga masa berpindah ke Madinah sehingga telah tetap ikrar di dalam jiwa orang-orang Islam bahawa keadilan itu sendiri yang mustahak di dalam Islam: Tergelincir dalam masa mengerjakannya bermakna tergelincir daripada Islam.

Oleh yang demikian orang Islam tidak teragak-agak menegur Rasulullah (SAW) tatkala baginda membahagikan harta-harta rampasan perang yang didapati dalam peperangan “Hunain” pada hal orang yang menegur itu tidak mengetahui maslahat Rasulullah (SAW) hendak menjinakkan hati ketua-ketua kabilah masih liar kepada Islam. Tetapi malangnya pula orang itu menegur beberapa kali berulang-ulang dengan katanya: “Idal ya Muhammadun fainnaka lam ta’dal” (berbuat adill wahai Muhammad kerana saya dapat tuan tidak berlaku adil).

Pada mulanya baginda tidak mengendahkan teguran yang tersebut tetapi apabila di dengarnya sekali lagi perkataan itu maka Rasulullah (SAW) murka lalu bersabda : “Mengapa kamu berkata demikian! Siapakah yang akan berbuat adil, jika tidak aku melakukan keadilan!”

Pada ketika itu orang ramai telah berang dan bersegera hendak membunuh orang yang mengeluarkan perkataan yang celupar itu tetapi Rasulullah (SAW) telah mensabarkan mereka itu kerana beliau melayani kebebasan sahabat-sahabatnya dan memberi peluang kepada mereka menzahirkan bantahan di dalam perkara-perkara yang kedudukannya dalam kesamaran.

Rasulullah (SAW) mengerjakan yang demikian, menjinakkan hati-hati mereka yang dipandang masih liar itu, dengan perintah Allah yang diwahyukannya di dalam Al-Quran di dalam surah Bara’ah memberi izin supaya menjinakkan hati orang ramai yang masih liar dengan habuan daripada kumpulan zakat – orang inilah yang dikatakan mualaf yakni yang dijinakkan hatinya.

Oleh itu Rasulullah (SAW) tak dipandang salah tatkala membahagi-bahagikan harta rampasan perang kepada mereka-mereka yang telah diizinkan Allah kepadanya supaya mereka jinak. Tidak ada yang menjadi sebesar-besar dalil di dalam masalah ini daripada amalan Rasulullah (SAW) tatkala menjalankan keadilan dengan sepenuh-penuhnya bahkan lebih jauh lagi. Baginda telah menggalakkkan supaya sahabat-sahabat melakukan kemudian daripada wafatnya dan Khalifah yang berempat telah pun menggalakkannya tetapi dengan malangnya orang-orang yang kemudian daripada mereka itu tidak menunaikan dengan sepenuh-penuhnya.

Rasulullah (SAW) telah menjalankan qisas atas diri beliau sendiri kerana menunaikan keadilan manakala Saidina Umar pula telah menyatakan dengan terangnya kepada sekalian pesuruhjaya-pesuruhjaya dalam perintahannya bahawa mereka akan menerima balasan qisas jika mereka cuai menunaikan keadilan kepada rakyat jelata.

Pernah tersebut seorang rakyat jelata telah mengadu kepada Amirul Mukminin Umar Ibnu al-Khattab bahawa seorang pesuruhjaya telah memukulnya dengan semata-mata anaya. Setelah Saidina Umar mendapat keterangan yang sah yang menunjukkan sebenarnya pesuruhjaya itu telah melakukan kezaliman maka ia pun terus memberi perintah supaya pesuruhjaya itu bersedia menerima balasan qisas iaitu orang yang telah memukul akan dipukul pula pada kali ini.

Kejadian ini menyebabkan pesuruhjaya-pesuruhjaya dan ketua-ketua yang lain memohon kepada Saidina Umar supaya jangan menjalankan hukuman itu kerana yang demikian mendatangkan kesan yang tidak baik iaitu akan merendahkan taraf pegawai-pegawai kerajaan kepada pandangan rakyat jelata. Permohonan ini tidak diterima oleh Amirul Mukminin Umar dan apabila mereka tidak berhenti-henti mendesaknya maka akhirnya Saidina Umar bersetuju dengan syarat bahawa orang yang mendakwa redha memaafkan pesuruhjaya yang salah itu. Kesimpulannya dengan bersusah payah dapatlah pesuruhjaya itu memujuk orang yang menuduhnya dan dengan kerana itu terlepas ia daripada balasan qisas.

Hujah atau alasan Saidina Umar menjalankan hukuman itu ialah kerana Rasulullah (SAW) sendiri telah menjalankan hukum qisas yang mengenai diri baginda sendiri padahal Rasulullah (SAW) lebih mulia daripada umatnya (bahkan daripada sekalian makhluk). Kerana itu ketua-ketua pemerintahan yang lain tidak boleh mengelak daripada menjalankan hukuman itu walau pun mengenai diri mereka sendiri dan jika mereka enggan maka hendaklah Khalifah yang memegang teraju pemerintahan menjalankannya dengan paksa.

(bersambung)